

5G tawar kemungkinan tanpa batasan di Malaysia

Ericsson jamin bekalan pantas, konsisten untuk produknya bertaraf dunia

Kuala Lumpur: Ericsson menyatakan komitmen untuk menyokong Digital Nasional Berhad (DNB) dalam melaksanakan rangkaian bertaraf dunia yang bakal menonjolkan kehebatan 5G di rantau ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson, Börje Ekholm, berkata pihaknya yakin 5G akan menawarkan kemungkinan tanpa batasan untuk Malaysia, selain turut menzahirkan kepuasan hati kadar pelaksanaannya di negara ini.

Beliau berkata, pelancaran 5G di Malaysia antara yang terpanas di dunia, dengan liputan rangkaian itu tersedia dalam tempoh hanya enam bulan selepas kontrak dianugerahkan kepada Ericsson.

5G Network Infrastructure for Communications Service Providers oleh Gartner.

"Kepimpinan global 5G dan teknologi kami adalah berdasarkan pelaburan kami yang konsisten dan meningkat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan lebih daripada satu perempat tenaga kerja global kami kini berkhidmat dalam R&D," kata Ekholm.

Selain itu, Ericsson melabur lebih 18 peratus hasil globalnya dalam R&D dan memegang portfolio paten yang terbesar dalam industri, dengan lebih 60,000 paten yang diluluskan di seluruh dunia.

Beliau berkata, syarikat itu juga adalah pemegang kebanyakan paten 5G yang penting.

Jadi, tidak menghairankan Ericsson telah menerajui beberapa pencapaian teknikal yang bermakna dalam pelancaran rangkaian 5G di Malaysia.

Aplikasi teknologi Pembahagian Sumber Radio Dinamik oleh Ericsson pada rangkaian 5G DNB, adalah pertama seumpamanya di dunia, membolehkan kesemua enam MNO menyenaraikan perkhidmatan 5G yang di-

“Pengeluaran dan pelancaran rangkaian 5G oleh Ericsson serta penubuhan kemudahan pengedaran baharu kami, akan mewujudkan peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung untuk warga Malaysia”

Börje Ekholm,
Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson



negara ini.

Ericsson bekerjasama dengan DNB dan Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) untuk merencanakan pembangunan kluster inovasi di kampus menerusi penggunaan 5G.

Ini akan menyokong syarikat baharu dan usahawan teknologi tempatan dengan pembangunan serta kesediaan 5G, seterusnya melahirkan kes penggunaan yang menarik serta memacu penerapan 5G di negara ini.

[Lelut kerjasama penerapan](#)

seluruhan perbelanjaan Ericsson untuk perkhidmatan bagi projek rangkaian 5G telah diperuntukkan kepada syarikat pembekal di Malaysia.

Menyedari bahawa 5G adalah platform inovasi terbuka paling penting, Ekholm yakin ia akan menyemarakkan transformasi digital Malaysia.

Pada masa sama, membantu negara bersiap siaga untuk Industri 4.0, dengan adanya kelajuan yang baik, kependaman ultrarendah, kapasiti rangkaian lebih besar serta keselamatan dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi.

“Pandemik COVID-19 telah memacu digitalisasi. Ia bukan sahaja membuktikan kepentingan infrastruktur digital, malah men-takrifkan semula hubungan kami dengan kerja, pendidikan dan satu sama lain.

“Sepanjang 2021, kerajaan di seluruh dunia terus menjadikan infrastruktur tanpa wayar sebagai asas pelan pemulihan pandemik dan pertumbuhan ekonomi masing-masing.

“Liputan rangkaian 5G memainkan peranan penting selaras memandangkan Malaysia da-

Ericsson.
"Usaha kerajaan untuk memacu 5G ke hadapan dan perkembangan positif daripada pengendalian rangkaian mudah alih (MNO) akan melengkapkan aspirasi digital negara dan menambah baik ketersambungan untuk pengguna akhir," katanya ketika kunjungannya ke Malaysia, baru-baru ini.

Menurutnya, Ericsson berada di landasan kukuh untuk melancarkan kira-kira 80 peratus liputan 5G di kawasan berpenduduk di Malaysia menjelang akhir 2024.

Menerusi operasi bekalan globalnya, Ericsson menjamin bekalan pantas dan konsisten untuk produknya yang canggih dan bertaraf dunia, bagi membolehkan pelancaran rangkaian 5G yang pantas di Malaysia untuk DNB.

"Malaysia adalah pasaran penting buat Ericsson, jadi kami telah memulakan pengeluaran radio 5G di sini yang akan diperluaskan lagi tahun ini," katanya.

Berbekalkan 125 rangkaian langsung di 55 negara, Ericsson bukan sahaja menjadi peneraju global 5G, bahkan diiktiraf sebagai peneraju industri, susulan menduduki tempat teratas dalam Frost Radar™ Global 5G Network Infrastructure Market untuk tahun kedua, berturut-turut.

Malah, syarikat itu juga dinobatkan sebagai pemimpin dalam laporan 2022 Magic Quadrant for

paikan perkhidmatan 5G yang diperibadikan dengan prestasi terjamin.

Katanya, inovasi ini juga membolehkan setiap MNO membezakan tawarannya kepada pengguna pada rangkaian 5G yang dikongsi.

Baru-baru ini, Ericsson dan DNB telah mendemonstrasikan panggilan Voice over New Radio (VoNR) negara yang pertama pada rangkaian 5G langsung.

Ia bakal menjadi penggerak untuk aplikasi generasi seterusnya yang realistik dan menggabungkan kelajuan pantas dengan audio definisi tinggi.

Ketika Ericsson menyerlahkan keutuhan teknologinya dengan pencapaian ini, ia turut berusaha ke arah membina ekosistem 5G di

Jalin kerjasama pintar

Di samping itu, Ericsson, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan DNB bekerjasama untuk mendidik pelajar di Malaysia mengenai 5G dan teknologi baharu lain yang muncul.

Kerjasama itu dijangka akan memanfaatkan sehingga 1,200 pelajar pada tahun pertama dan akan membolehkan pelajar UTM mengambil bahagian serta menyumbang kepada ekonomi digital negara dan transformasi Industri 4.0.

Tambahan pula, Ericsson telah menubuhkan pusat inovasi Malaysia yang pertama di UTM pada 2016 untuk menyelidik dan menguji teknologi 5G.

Mutakhir ini, Ericsson telah meningkatkan komitmennya di

kan inventori perkakasan serta alat ganti merentasi rantau ini.

Kemudahan pengedaran baharu itu akan melengkapkan Pusat Penyelenggaraan dan Sokongan di Malaysia, membolehkan Ericsson menaik taraf penyampaian perkhidmatan sokongan kepada pelanggan.

"Pengeluaran dan pelancaran rangkaian 5G oleh Ericsson serta penubuhan kemudahan pengedaran baharu kami, akan mewujudkan peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung untuk warga Malaysia.

"Kami juga sedang berusaha ke arah mengukuhkan ekosistem vendor tempatan apabila kami melebarkan sayap 5G kami ke negara ini," katanya.

Sekitar 90 peratus daripada ke-

ras memandangkan Malaysia dalam proses untuk beralih ke tempoh pemulihan ekonomi pasca pandemik, khususnya selari dengan kemunculan kes penggunaan baharu dalam konteks perusahaannya," katanya.

Malah, menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, 5G akan menyumbang RM8.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKNK) menjelang 2025.

Justeru, adalah penting untuk melancarkan rangkaian itu secepat mungkin dan memanfaatkan teknologi baharu.

5G akan membantu merapatkan jurang digital di Malaysia.

Berbekalkan teknologi pemboleh seperti Akses Tanpa Wayar Tetap (FWA), pengguna yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan luar bandar akan mampu mendapat kemudahan sambungan jalur lebar ke rumah mereka, sebagai alternatif yang cepat, mudah dan kompetitif berbanding fiber.

"Akhir kaba, pelancaran 5G oleh DNB dan Ericsson akan memperkasakan Malaysia dengan keupayaan untuk memacu ke hadapan di rantau ini, membolehkan negara mencapai objektifnya ke arah menjadi ekonomi digital.

"5G sudah pasti akan mendigitalkan masyarakat Malaysia dan memupuk pembangunan inklusif di negara ini. Dengan adanya 5G, kemungkinan tanpa batasan sedang menanti pada masa hadapan," katanya.



Pusat Pengedaran Ericsson terbaru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).